

PERTANDINGAN MARHABAN PIALA DATO' SERI DR AHMAD ZAHID HAMIDI 2017 PERINGKAT AKHIR

30 JULAI 2017, 9.00 PAGI – 4.00 PETANG

AUDITORIUM MASJID PUTRA, PUTRAJAYA

Seni marhaban atau lebih dikenali dalam Bahasa Melayu sebagai ucapan “Selamat Datang” dan seni kompong selawat adalah dua cabang seni warisan dan khazanah Islam di Nusantara. Kedua-dua cabang seni ini yang pada awalnya telah diperkenalkan oleh para pendakwah Islam diperkenalkan sebagai salah satu cara dan kaedah untuk mereka berdakwah dan menarik perhatian masyarakat pada masa tersebut. Ternyata cara yang diperkenalkan oleh mereka ini telah berjaya untuk menarik perhatian penduduk Tanah Melayu dan sejak itu Islam pesat berkembang di rantau ini.

Marhaban adalah ungkapan syair-syair Arab yang diwarisi semenjak penghijrahannya Rasullullah SAW dari Mekah ke Madinah. Berbeza dengan marhaban, kalimah selawat adalah ucapan ’taufiqi’ yang diajarkan oleh Allah SWT. Seiring dengan pengaruh syair Arab yang begitu berpengaruh dalam kalangan masyarakat Arab, ucapan ini telah berevolusi dengan penambahan-penambahan puji-pujian terhadap Baginda Rasulullah SAW. dan melahirkan kesyukuran terhadap Allah SWT.

Di Malaysia, kedua-dua ungkapan ini sering diucapkan ketika sambutan Maulidur Rasul SAW, majlis-majlis perkahwinan, ketika menyambut kelahiran cahaya mata dan majlis-majlis kesyukuran serta khatam al-Quran. Ia mengandungi puji-pujian kepada Nabi Muhammad SAW dengan sifat-sifatnya yang terpuji dan mulia serta melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT. Namun kini, kumpulan marhaban ini biasanya hanya dimonopoli oleh golongan yang sudah berumur sahaja, sama ada lelaki ataupun perempuan. Penyertaan daripada kalangan remaja amatlah kurang sekali. Kita perlu sedari bahawa marhaban adalah merupakan antara warisan bangsa dan lambang jati diri umat Islam di rantau ini.

Kitab Al- Barzanji merupakan hasil susunan Syeikh Ja'far al-Barzanji yang menceritakan rangkaian sejarah hidup Nabi Muhammad SAW. Kitab ini merangkumi dari segi sejarah keturunan, kehidupan Rasulullah SAW sejak dari zaman kecil sehingga diangkat menjadi Rasul dan diceritakan dalam kitab Al-Barzanji ini tentang sejarah perjuangan serta keperibadian Rasulullah SAW yang seharusnya dicontohi oleh seluruh umat manusia (Abu Bakar Ya'cub, 1974: 5)

Nama penuh pengarang Kitab Maulid Barzanji ialah Sayyid Jaa'far bin Hasan bin Abdul Karim bin Sayyid Muhammad Al-Madani. Perkataan Barzanji ialah nama sebuah perkampungan di Iraq dan perkataan Barzanj dinisbahkan kepada Sayyid Jaafar (Muhammad Fuad al-Maliki, 2009: 12). Permulaan amalan berzanji adalah dinukilkan pada zaman

pemerintahan kerajaan Fatimiyyah yang menguasai Mesir dan ada juga pendapat yang mengatakan pada zaman pemerintahan kerajaan Abasiyyah dibawah pimpinan Harun Al-Rassyad (Syeikh Abdul Ghaffar Syeikh Abdul Quddus, 1993: 5).

Setelah 200 tahun kewafatan Rasulullah SAW berlalu, aktiviti berzanji ini telah dikesan. Penerimaan berzanji ini mendapat sambutan yang meluas sekaligus membuka peluang untuk meningkatkan kebudayaan didalam Islam seterusnya menjadikan Islam itu bukan hanya daripada golongan Arab semata-mata tetapi merangkumi keseluruhannya (Abdul Basit, etc, 2015: 159).

Sejarah Islam telah membuktikan bahawa marhaban ini menjadi sesuatu yang sangat penting dalam peradaban islam. Pada Zaman Salahuddin Al-Ayubi, beliau telah memerintahkan rakyat jelata untuk membuat bait-bait syair untuk memuji baginda Rasulullah sebagai usaha perpaduan dan membangkitkan peradaban islam. Pemenang kepada pertandingan tersebut ialah Syeikh Ja'far al-Barzanji. Berzanji dan marhaban juga bertujuan meningkatkan semangat juang tentera-tentera islam dan kecintaan kepada baginda Nabi Muhammad SAW.

Umumnya orang Melayu tidak melakukan sebarang gubahan gaya membaca barzanji, tetapi sekadar membaca seperti apa yang dibaca oleh orang Arab dengan dendangan kepelbagaiannya suara. Ia dikatakan tersebar di kepulauan Melayu kira-kira 100 tahun yang lalu. Penyebaran Islam ke Nusantara khususnya secara tidak langsung turut membawa masuk aspek kesenian berunsurkan Islam dan ini tidak terkecuali seni barzanji dan marhaban. Tujuan berzanji dan marhaban adalah untuk memperdengarkan kepada umum riwayat hidup Rasulullah SAW yang nmempunyai sifat-sifat mulia lagi terpuji dan mengenai sejarah perjuangan beliau dalam menegakkan Islam, supaya masyarakat dapat mengamalkannya dalam kehidupan.

Pertubuhan Tarekat Muktabar Malaysia akan **menganjurkan Haflah Zikir Perdana Sedunia 2017: Islam Is Peace** buat kali yang ke tiga bertempat di Putrajaya pada 26 sehingga 30 Julai 2017. Terdapat beberapa program yang akan dijalankan antaranya ialah **Pertandingan Marhaban Piala YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi**, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Pertandingan Marhaban ini terbahagi kepada 3 peringkat. Peringkat suku akhir, separuh akhir dan akhir.

Pertandingan Marhaban Piala Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ini merupakan salah satu komponen utama di dalam Haflah Zikir Perdana Sedunia 2017. Haflah Zikir Perdana Sedunia ini adalah satu acara tahunan yang bertujuan untuk mencetuskan satu kebangkitan peradaban islam. Oleh itu, Haflah Zikir Perdana Sedunia 2017 kali ini sememangnya adalah untuk merealisasikan matlamat dan tujuan yang sama iaitu membangkitkan peradaban islam dan sekaligus meningkatkan kecintaan kepada Allah dan Rasulnya.